

KHAMIS 16 JULAI, 1981

YANG PERGI DAN YANG DATANG

PEMERGIAN Datuk Hussein Onn dan kedatangan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memegang teraju pentadbiran negara adalah peristiwa bersejarah yang penuh dengan penghormatan dan harapan, kebanggaan dan kemuliaan.

Datuk Hussein hanyalah beredar dari menjadi Perdana Menteri untuk memberi pemimpin yang lebih muda dan gagah meneruskan tanggungjawab yang berat itu, tetapi beliau tidaklah hilang dari ingatan dan pandangan rakyat.

Malah beliau akan terus dikenang sebagai negarawan yang istimewa, pemimpin yang berdisiplin, teguh berpegang pada prinsip dan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap masa depan negara dan 13 juta rakyatnya.

Jarang sekali seorang pemimpin akan sesudah itu melepaskan kuasa yang ada di tangannya, lebih-lebih lagi di saat rakyat masih menghendaki perkhidmatan dan tetap kasihkannya. Tetapi apa yang dilakukan oleh Datuk Hussein Onn ternyata menyalahi teori kuasa politik.

Beliau telah menunjukkan satu tauladan yang sangat baik untuk direnungi oleh semua orang, lebih-lebih lagi para pemimpin. Pada Datuk Hussein, seorang pemimpin itu mestilah mampu memberi sepenuh masa dan tenaganya kepada negara dan jika pemimpin itu tidak dapat memenuhi syarat ini beliau patutlah mengundurkan diri.

Apa yang dipercayai oleh beliau ini telah dibuktikan dengan perbuatan. Sebaik sahaja mendapati kesihatan beliau tidak begitu mengizinkan memberi bakti sepenuh masa, Datuk Hussein telah mengumumkan dengan sukarela mengundurkan diri dari kerusi tertinggi yang didudukinya.

Malaysia ternyata mempunyai sejarah tersendiri yang amat indah berhubung dengan sikap pemimpin-pemimpinnya. Kesederhanaan sikap pemimpin, kesanggupan naik dan turun secara yang terhormat, telah membentuk masyarakat Malaysia sebagai satu bangsa yang berhemah tinggi.

Jarang terdapat di dunia ini para pemimpin dan rakyat semulia yang terdapat di Malaysia. Pemimpin yang telah bersara akan tetap dihormati dan dikenang. YTM Tunku Abdul Rahman tetap menjadi negarawan yang dikasihi dan sentiasa mendapat penghormatan dari pemimpin baru dan dari rakyat jelata.

Di negara kita tidak berlaku perbuatan menghina pemimpin yang telah pergi seperti

yang berlaku di negara-negara komunis. Stalin dan Mao Tse-tung telah dikecam habis-habisan selepas kematian mereka oleh pemimpin-pemimpin berikutnya.

Tidak juga berlaku di sini pemimpin yang naik memburu pemimpin yang lama hingga ke akhir hayatnya, dan terus menagih darah seluruh keluarga pemimpin lama. Tidak pula terjadi pemimpin lama perlu mencari perlindungan di negara lain, hanya semata-mata berlaku perubahan pemimpin.

Lebih dari itu, di Malaysia tidak pula terjadi perubahan dasar yang radikal, sebaik sahaja pemimpin baru mengambil tempat. Datuk Hussein sendiri tidak membuat rombakan kabinet yang besar di sepanjang lima setengah tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Apa yang berlaku di Malaysia ialah peralihan pucuk pimpinan yang licin, tidak ada sebarang pertumpahan darah dan lanya berlaku dalam upacara yang terhormat. Di segi pentadbiran pula, terdapat penerusan pelaksanaan dasar yang telah ditetapkan, seolah-olah tidak ada perubahan pucuk pimpinan.

Bagaimanapun setiap pemimpin tentulah mempunyai style tersendiri dalam mengendalikan kerajaan masing-masing. Ini tentulah bersesuaian dengan masa dan peristiwa. Di zaman YTM Tunku, negara kita baru sahaja merdeka, maka cara pembangunan di waktu itu adalah sesuai dengan dasar yang digubal.

Apabila Allahyarham Tun Razak mengambil alih, beliau bersikap lebih agresif dengan pembangunan negara kerana di waktu itu kita sudah memerlukan pembangunan yang pesat untuk melahirkan masyarakat yang kuat dan bersatu padu.

Di waktu Datuk Hussein, fasa pembangunan menjadi lebih mencabar lagi, di mana kerajaan melaksanakan sepenuhnya Rancangan Malaysia Ketiga dan bermulanya Rancangan Malaysia Keempat, yang berjalan serentak dengan tempoh pertama Dasar Ekonomi Baru.

Kini masuk ke zaman Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad. Ternyata tanggungjawab yang sedang menanti beliau adalah tidak kurang dari yang dipikul oleh ketiga-tiga Perdana Menteri terdahulu.

Malah sekarang ini Malaysia sudah memasuki ke tahap pembangunan yang lebih besar dan akan menghadapi masalah yang lebih rumit.

Bagaimanapun kita menaruh keyakinan yang besar terhadap barisan pemimpin baru ini untuk meneruskan cita-cita pemimpin lama kita. Kita juga yakin, kedua-dua bekas Perdana Menteri kelak akan terus memberi khidmat bakti mereka kepada negara dan terus memberi pendapat serta pandangan kepada pemimpin-pemimpin yang berada di barisan hadapan sekarang.

Inilah tradisi kita yang patut dibanggakan oleh setiap rakyat Malaysia.